

→ PEMILIHAN PRESIDEN AS

[FOTO EPA]

'Risau Trump kotakan janji'

BH
10/11/16
ms 4

→ Rakyat tunggu Presiden baharu laksanakan janji ketika kempen



Trump ketika berucap di hadapan penyokongnya pada Pilihan Raya Presiden AS di New York.

► New York

Kemenangan luar jangka Donald Trump untuk menjadi Presiden Amerika Syarikat ke-45 disulami pelbagai persoalan dan mencetuskan kebimbangan banyak pihak, khususnya mengenai beberapa janji yang dilontarkannya ketika berkempen.

Antaranya pendirian Trump untuk melarang kemasukan umat Islam ke negara itu, membina tembok besar di Mexico, membina semula infrastruktur Amerika, selain akan membatalkan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Hartawan hartanah berusia 70 tahun itu juga mahu menghalau keluar warga berketurunan Hispanic dan kumpulan minoriti lain.

Persoalan hangat yang kini menjadi bibir pengkritik, penganalisis dan masyarakat global adalah

sejauh mana Trump akan mengotakan janji untuk memuaskan hati rakyat Amerika Syarikat (AS) yang mengundi untuk kemenangannya.

Dalam pilihan raya sengit semalam, Trump mencipta kejutan besar dengan menewaskan calon pilihan dari parti Demokrat, Hillary Clinton dengan kemenangan 278-218 undi electoral untuk menjadi Presiden baharu kuasa dunia itu.

Dalam pertandingan penuh mendebarkan sepanjang malam, Trump turut mencatat kemenangan di banyak negeri penting, termasuk Florida, Ohio dan North Carolina, dan berjaya merampas negeri yang sebelum ini cenderung menyokong Parti Demokrat seperti Pennsylvania dan Wisconsin.

Kemenangan itu menyaksikan Trump menjadi Presiden pertama sejak 1953 yang tidak pernah me-

megang sebarang jawatan dalam parti.

Dasar luar AS sukar diramal

Di seluruh dunia, pemimpin dan media hangat membicarakan kejutan itu dalam reaksi masing-masing dengan Kementerian Luar Jerman menyebut keputusan ini akan menjadikan situasi lebih susah kerana dasar luar AS sukar diramalkan.

Selain kemenangan Trump, Parti Republikan turut menguasai kedua-dua Dewan Senat dan Perwakilan AS.

Bintang realiti televisyen itu jelas mengejutkan bukan sahaja AS tetapi seluruh dunia.

Kemenangannya juga menyebabkan pasaran saham merudum dan meletakkan aliran politik global sekian lama, yang bergantung kepada kepemimpinan Amerika, dalam keraguan.

Sementara itu, dalam ucapan kemenangannya di New York, Trump berkata: "Ini adalah masa bagi Amerika menyatukan perpecahan. Saya berjanji kepada rakyat negara ini, saya akan menjadi Presiden untuk semua."

Beliau turut berikrar akan bekerjasama dengan anggota Demokrat, selain memuji Hillary Clinton.

"Hillary sudah bekerja keras untuk tempoh panjang dan kita berterima kasih kepadanya di atas perkhidmatan kepada negara," katanya mengenai Clinton, yang harapannya untuk menjadi Presiden wanita pertama Amerika tidak tercapai.

Rakyat AS daripada latar belakang minoriti menyuarakan kekecewaan dengan kemenangan Trump yang melihat dasarnya sebagai bertentangan kepada kepelbagaian budaya negara itu.

Laman web Jabatan Imigresen Kanada juga dikatakan lumpuh ketika keputusan pilihan raya presiden AS diumumkan disebabkan peningkatan mendadak trafik. Difahami, ia berikutan ada rakyat AS mahu memasuki negara itu susulan kemenangan Trump.

Trump juga secara terbuka menyokong Presiden Vladimir Putin, mempersoalkan sokongan Amerika kepada sekutu Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) di Eropah dan mahu Korea Selatan serta Jepun membangunkan senjata nuklear sendiri.

Ahli perniagaan bergelar bintang televisyen sebelum beralih menjadi ahli politik itu, akan menganggotai sumpah pada 20 Januari ini.

AFP



Untuk video
layari www.bharian.com.my

